

PERCUMA 22-24 April 2013, 10-12 Jamadilakhir 1434



Guru KEMAS tidak terabai di bawah PR - Sallehen Mukhyi
muka 7

Khalid Samad: Rakyat Shah Alam kenal siapa lawan saya
muka 6

Abdul Khalid: Kelewatan bukan isu Bukit Botak
muka 3



SHAH ALAM - Calon dan pemimpin Pakatan Rakyat (PR) mengajak pengundi untuk membawa Selangor ke 'fasa dua kecemerlangan' setelah gagasan itu berjaya melahirkan pentadbiran negeri yang bersih, efektif dan berkeadilan selama lima tahun.

Istilah 'fasa dua kecemerlangan' itu diungkapkan oleh calon DUN Pelabuhan Klang, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sehari selepas penamaan calon menyaksikan PR Selangor meletakkan muka baru di hampir separuh 78 kerusi Parlimen dan Dewan Negeri Selangor (DNS).

"Fasa Dua" itu merupakan kesinambungan agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang diperkenalkan pada Mac 2008 dan telah menyaksikan hampir RM 800 juta diagihkan untuk program-program seperti Jom Shopping, pemberian air percuma dan bantuan sekolah agama rakyat.

Sekiranya PR Selangor diberi mandat sekali lagi, dasar-dasar tersebut akan dilipatgandakan. Misalnya dasar penstrukturan air yang mewujudkan program air percuma akan dilonjakkan kepada penawaran saham air kepada rakyat.

Fasa 2 kecemerlangan Pakatan Rakyat



MANTAP...
Calon Pelabuhan Klang, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Klang, Charles Santiago dan Pandamaran, Tan Pok Shyong, bersama penyokong di pekarangan Dewan Datuk Hamzah, Klang untuk proses penamaan calon

[lihat muka 2](#)

MUKA BARU PRU-13

 N1 Sungai Air Tawar Wahid Rais PAS	 N3 Sungai Panjang Mohd Fadzlin Taslimin PAS	 N5 Hulu Bernam Muhammad Idris Ahmad PAS	 N6 Kuala Kubu Baharu Lee Kee Hiong DAP	 N7 Batang Kali Ramachandran A/L Kandasamy PKR	 P905 Tanjong Karang Mohamad Rashdi Deraman PAS	 N8 Sungai Burong Mohamad Judi Sarjo PAS	 N12 Jeram Muhammad Rashid Muhammad Kassim PAS	 N13 Kuang Tg. Maraziyah Tg. Sulaiman PKR		
 N15 Taman Templer Zaidy Abdul Talib PAS	 N17 Gombak Setia Hasbullah Mohd Ridzwan PAS	 N22 Teratai Tiew Way Keng DAP	 N23 Dusun Tua Razaly Hassan PAS	 N24 Semenyih Hamidi A Hassan PKR	 N25 Kajang Lee Chin Cheh PKR	 P102 SERDANG Dr. Ong Kian Ming DAP	 N26 Bangi Mohd Shafie Ngah PAS	 N27 Balakong Ng Tien Chee DAP	 N28 Seri Serdang Noor Hanim Ismail PAS	 N30 Kinrara Ng Sze Han DAP
 P104 KELANA JAYA Wong Chen PKR	 N34 Bukit Gasing Rajiv A/L Rishyakaran DAP	 N36 Damansara Utama Yeo Bee Yin DAP	 N38 Paya Jaras Mohd Khairuddin Othman PAS	 P109 KAPAR G. Manivannan A/L Gowindasamy PKR	 N43 Sementa Dr. Daroyah Alwi PKR	 N52 Teluk Datuk Loh Chee Heng DAP	 N53 Morib Hasnul Baharuddin PAS	 N54 Tanjong Sepat Mohd. Haslin Hassan PAS	 N55 Dengkil Borhan Aman Shah PKR	 N56 Sungai Pelek Lai Nyok Lan DAP

Calon baru DUN Ijok, teruskan kecemerlangan Abdul Khalid

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

KUALA SELANGOR - Calon PKR DUN Ijok, Dr Idris Ahmad berazam meneruskan kecemerlangan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang pernah menjadi Adun kawasan itu jika dipilih rakyat pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) nanti.

Menurut Dr Idris, Abdul Khalid banyak membawa perubahan khususnya kepada penduduk Ijok dengan melaksanakan beberapa dasar yang memberi manfaat kepada semua golongan.

Antaranya, Abdul Khalid berjaya menyelesaikan masalah pemilikan tanah di beberapa kampung seperti di Kampung Sungai Darah, Kampung Pecah Batu, Kampung Jaya Setia, Kampung Keretapi di Ijok.

“Saya berazam untuk meneruskan legasi kecemerlangan Tan Sri Abdul Khalid sebagai Adun kawasan Ijok jika dipilih rakyat pada PRU-13 ini,” katanya ketika ditemui seje-

selesai urusan penamaan calon di Stadium Tertutup Kuala Selangor.

Abdul Khalid selaku Menteri Besar turut memperkenalkan beberapa dasar di bawah agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti bantuan Skim Mesra Usia Emas (SMUE), program Jom Shopping ibu tunggal dan warga emas.

Dalam pada itu, Dr Idris juga berazam untuk berusaha memartabatkan sistem pendidikan khususnya kepada masyarakat luar bandar di Ijok.

“Dahulu sistem pendidikan bagus sebab saya tak perlu pergi tuisyen, tetapi mampu berjaya.

“Tetapi sekarang, ramai pelajar ingin berjaya perlu pergi ke pusat tuisyen dan ini akan meminggirkan penduduk di luar bandar yang kurang berkemampuan,” katanya yang merupakan seorang doktor pakar di sebuah hospital swasta di ibu negara.

Pada PRU-13, Dr Idris akan bersaing dengan calon BN, K Parthiban.



Dr Idris, bersalaman dengan para penyokong yang hadir di pusat penamaan calon

Dari muka depan

Tawaran saham air untuk rakyat Selangor

“Sekarang kita nak masuk fasa kedua, iaitu lepas bagi air percuma, kita nak bagi hak air kepada rakyat,” kata Abdul Khalid semasa menerangkan rancangan tawaran saham air kepada rakyat di Pelabuhan Klang dua hari lalu.

Malah, mesej PR untuk meneruskan dan membina kecemerlangan lima tahun yang sudah merupakan bahan kempen utama calon PR Selangor dalam menambat hati pengundi.

Calon dan penyandang kerusi DNS Rawang, Gan Pei Nei berkata, pentadbiran PR yang telus tidak memufkikan Selangor seperti yang didakwa Umno-BN, sebaliknya terbukti membantu lebih ramai rakyat.

Ini dilihat dalam peningkatan rizab negeri dari RM400 juta pada akhir pentadbiran Umno-BN pada 2007 kepada RM2.5 bilion semasa lima tahun PR mentadbir.

“Kita melaksanakan pentadbiran berdasarkan kepada agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang bertemakan hasil negeri utk rakyat.

“Sekiranya Kerajaan PR diberi mandat sekali lagi untuk memerintah Selangor, kita bukan sahaja beri air percuma, tetapi beri saham industri air kepada rakyat,” ujarnya di dalam ceramah di pekarangan Stadium Majlis Perbandaran Selayang (MPS).



Gan Pei Nei memberikan ucapan kepada para penyokong yang mengiringi beliau ke pusat penamaan calon

Gandingan Manifesto Selangor ‘Meneruskan Kecemerlangan’ dan manifesto peringkat nasional ‘Manifesto Rakyat’ juga merupakan senjata utama bagi menjawab dakwaan pihak lawan gagasan Umno-BN.

Calon dan penyandang kerusi Parlimen Subang Sivarasa Rasiah berkata perubahan dasar kerajaan dan program

mampu menawarkan kehidupan lebih baik untuk rakyat Malaysia berbanding sebelum ini.

“Dalam kempen kali ini kami, manifesto PR adalah kekuatan utama kami sebab ada pelbagai tawaran menarik kepada rakyat,” kata Sivarasa apabila ditanya tentang strategi beliau untuk meraih sokongan bagi satu lagi penggal.

Pelabuhan Klang sudah maju jika diurus baik

KLANG - Pelabuhan Klang boleh menjadi kawasan pemacu ekonomi negeri sekiranya diurus dengan baik.

Calon Pakatan Rakyat (PR) DUN Pelabuhan Klang, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berkata, ia kerana setiap tahun keuntungan pelaburan yang diperolehi dari kawasan itu mencecah RM30 hingga RM40 bilion setahun. Katanya, daripada jumlah itu juga, lima hingga 10 peratus sepatutnya digunakan untuk menaik taraf kawasan.

“Kerajaan Pusat mengabaikan Pelabuhan Klang yang menyumbang RM30 bilion setahun kepada Malaysia, sepatutnya ia dilaburkan kembali.

“Tetapi disebabkan pemikiran yang tidak mahu diubah untuk memajukan atau menaik taraf kawasan ini, jadi ia berlaku seperti itu,” katanya dalam ucapan di Ceramah Perdana Parlimen Klang di Pusat Operasi DAP di sini.

Beliau menambah, keuntungan daripada pelaburan yang diperolehi di kawasan itu sepatutnya boleh memajukan kawasan sekitarnya supaya ia dilengkapi kemudahan jaringan yang baik antaranya, jalan raya.

Oleh HAFIZAN TAIB
dan AFEEQA AFEERA

Abdul Khalid: Kelewatan bukan isu projek Bukit Botak

PELABUHAN KLANG - Kejayaan menyelesaikan projek perumahan Bukit Botak dapat dilihat apabila Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor berjaya membina lebih 1,400 unit rumah bagi pen-eroka asal kawasan itu setelah projek itu terbengkalai selama lebih 15 tahun.

Maka dengan itu, Menteri Besar sementara Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, masalah kelewatan menduduki rumah itu tidak harus dijadikan isu besar.

"Persoalannya tempoh masa sahaja, tak jadi masalah besar.

"Projek Bukit Botak ini sudah terbengkalai lebih 15 tahun, maka kalau tunggu masa lebih sebulan pun (untuk menduduki) bukan masalah," katanya kepada Selangor Kini selepas mengadakan lawatan di tapak pasar malam Pulau Indah di sini, baru-baru ini.

Seramai 13 orang yang mendakwa mereka peneroka asal Bukit Botak membuat tunjuk perasaan di tapak perumahan tersebut.

Mereka mendakwa belum da-

FAKTA BUKAN AUTA

JANJI UMNO-BN UNTUK PENDUDUK BUKIT BOTAK 1985 - 2007 (25 TAHUN)

KERAJAAN PAKATAN RAKYAT SELANGOR LAKSANA DALAM 5 TAHUN 2008 -2013




pat menduduki rumah itu, manakala sebahagian daripada rumah di situ belum disiapkan.

Dilaporkan sebelum ini bahawa Kerajaan PR Selangor berjaya menyelesaikan projek terbengkalai itu dengan pembinaan 1,422

unit rumah berharga RM99,000 oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS).

PKNS juga telah membelanjakan subsidi sebanyak RM79.6 juta untuk membangunkan Bukit Botak.

Dilaporkan sebelum ini bahawa pada 1985, tanah Kampung Bukit Botak diambil oleh Kerajaan Umno-BN dan diberi kepada pemaju swasta untuk membina skim perumahan swasta.

Sebagai ganti rugi, peneroka tersebut dijanjikan rumah.

Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2008, pemaju itu gagal melaksanakan janjinya sehingga kerajaan PR terpaksa mengambil alih projek tersebut.

Pakatan Rakyat yakin dapat pertahankan Parlimen Kapar

KLANG - Walaupun berlaku pertandingan enam penjujur bagi Parlimen Kapar, calon PKR, G Manivannan, tetap yakin mempertahankan kerusi dimenangi Parlimen Kapar.

Katanya, berdasarkan sambutan diterima dalam sesi bertemu rakyat, jelas menggambarkan sokongan kuat kepada Pakatan Rakyat (PR).

"Bagi saya bagus bila ramai bertanding kerana ramai menawarkan diri untuk jadi pemimpin. Saya tetap fokus dengan gerak kerja dibuat kerana kita sudah bersedia dengan cabaran yang datang.

"Soal calon bebas ramai, tak mengapa sebab sebelum ini di Bukit Selambau sampai 14 orang," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, sesi ramah mesra dan penerangan kepada pengundi giat dijalankan sehingga tiba hari mengundi.

"Saya optimis sokongan tetap berpihak kepada Pakatan kerana perubahan jelas ditunjukkan rakyat," ujarnya.



G Manivannan menerima sokongan padu daripada pengundi Kapar

Manivannan, Setiausaha PKR Cabang Subang bertanding di Parlimen Kapar menggantikan S Manikavasagam yang berpindah ke DUN Bukit Melawati.

Dalam pilihan raya lalu, Manikavasagam memperolehi 48,196 undi, manakala Komala

Devi a/p Perumal (BN) memperolehi 35,899.

Manikavasagam menang dengan majoriti 12,297 undi. Manivannan akan dicabar oleh A Sakthivel (BN), Mohd Farhan (Berjasa) dan tiga calon Bebas, Nor Hamzah, Mohd Nazri dan A R Palaya.

Dr Daroyah Alwi: Peluang cerah di Sementa

KLANG - Calon PKR DUN Sementa, Dr Daroyah Alwi (**gambar**), yakin peluang memenangi kawasan itu adalah cerah dalam pilihan raya kali ini berbasaskan sokongan rakyat yang condong kepada Pakatan Rakyat (PR) kini.

Bendahari Majlis Pimpinan Wanita PKR Pusat itu lebih berkeyakinan apabila dilantik sebagai Penyelaras DUN bagi kawasan itu sejak awal tahun ini.

Jelasnya, PR dengan parti gabungan, PKR, PAS dan DAP berjaya membuktikan perpaduan dan kerjasama erat dalam membantu dirinya dan calon lain yang bertanding kali ini.

"Bila dilantik sebagai Penyelaras DUN Sementa pada awal tahun ini dapatlah saya bertemu dengan masyarakat di kawasan itu secara lebih dekat dan memahami kehendak mereka.

"Dengan cara itu saya tahu apa diperlukan rakyat di kawasan ini. Dengan program dijalankan Kerajaan Negeri selama ini maka kita mempunyai harapan di DUN ini," katanya.

Dr Daroyah berkata, pemilihannya adalah di bawah kuota calon Wanita PKR yang diperuntukkan sebanyak 30 peratus.

Beliau juga menganggap penyertaan seorang calon bebas di DUN tersebut sebagai biasa dalam pilihan raya.

"Ia adalah satu persaingan yang sihat dalam pilihan raya.

"Bagi saya, kita sudah bersedia dan yakin mempunyai peluang cerah menang untuk menebus maruah kita di kawasan itu," katanya.

Dr Daroyah akan menghadapi saingan tiga penjujur iaitu dari calon Umno-BN, Mohd Ghazali Mohd Amin dan calon Bebas, S Thoraisingam.



Tokoh Pakatan pertahanan kerusi, Kit Siang ke Gelang Patah



HARAPAN RAKYAT... Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu penamaan calon Parlimen Permatang Pauh, beliau akan mengepalai jentera Pakatan Rakyat bagi menumbangkan Barisan Nasional yang korup dalam mentadbir negara selama lebih 50 tahun

KUALA LUMPUR: Tokoh-tokoh utama Pakatan Rakyat (PR) akan mempertahankan kerusi masing-masing dengan Lim Kit Siang berpindah ke Gelang Patah.

Datuk Seri Anwar Ibrahim mempertahankan kerusi Permatang Pauh dalam pertandingan tiga penjur.

Dua calon akan menentang beliau iaitu Mazlan Ismail (Umno) dan Abdullah Zawawi Samsudin (Bebas).

Manakala itu, Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang mempertahankan Parlimen Marang.

Di samping itu beliau akan mempertahankan kerusi DUN Rhu Rendang yang dimenangkannya sebelum ini.

Mursyidul Am PAS, Tuan Guru Datuk Nik Aziz Nik Mat pula akan mempertahankan DUN Cempaka di Pengkalan Chepa.

Di Gelang Patah, Lim Kit Siang akan bertembung dengan bekas MB Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Di Pulau Pinang pula, Lim Guan Eng akan mempertahankan kerusi Parlimen Bagan di samping DUN Air Puteh.

Kamilia tanding Bebas, letak semua jawatan Umno

KUALA KANGSAR: Naib Ketua Wanita Umno, Datuk Kamilia Ibrahim (*gambar*) membuat keputusan mengejutkan dengan bertanding sebagai calon Bebas di Kuala Kangsar dan meletakkan semua jawatan dalam Umno.

“Saya Kamilia Ibrahim telah disahkan oleh SPR sebagai calon Bebas, Parlimen Kuala Kangsar, dan dengan ini mengumumkan perletakan jawatan selaku

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Naib Ketua Wanita Umno Malaysia, Ketua Wanita Umno, Kuala Kangsar, dan Ahli Umno,” tulis Kamilia dalam Facebooknya.

Beliau akan menentang calon daripada BN sendiri, Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad dan Khalil Idham Lim (PAS) dalam pertembungan tiga penjur.

Kamilia Ibrahim berkata, beliau ke-

cewa dengan ‘penghinaan’ yang ditunjukkan BN kerana tidak meletakkan pemimpin tertinggi dari sayap parti berkenaan sebagai calon dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Malah, tindakan itu menunjukkan bahawa BN tidak memberi pengiktirafan sewajarnya ke atas sumbangan pemimpin tertinggi wanita, beliau dilaporkan sebagai berkata.



SHAH ALAM - Setelah berjaya memberikan perkhidmatan terbaik untuk rakyatnya negeri ini penggal lalu, Pakatan Rakyat (PR) Selangor akan meningkatkan lagi khidmat itu dengan menawar Biasiswa Menteri Besar.

Biasiswa ini akan diberikan kepada pelajar ijazah lanjutan dengan bon kerajaan negeri sebagai usaha membentuk sebuah Bank Pemikir Negeri Selangor (Selangor Brain Bank).

Perkara itu diumumkan Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim sewaktu program pengistiharan calon PRU-13 dan pelancaran manifesto PR Selangor di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, baru-baru ini.

Manifesto itu turut menjanjikan penyediaan pengangkutan awam percuma dan mesra pengguna, termasuk perkhidmatan bas di Shah Alam, Petaling Jaya, Subang Jaya, Klang dan Kajang bagi kemudahan seluruh warga Selangor apabila dipilih untuk terus memerintah selepas PRU-13 nanti.

"Kita dapat mandat yang diberi rakyat pada tahun 2008, kejayaan dalam tempoh lima tahun pertama itu adalah suatu permulaan sahaja.

"Manifesto yang dipersembahkan ini merupakan ikrar Pakatan untuk menempa kejayaan bersama, seterusnya lantas menjadikan Selangor sebagai negeri pilihan utama untuk didia-

Manifesto: PR Selangor tawarkan biasiswa MB



Pimpinan Pakatan Rakyat yang akan bertanding pada PRU-13, menunjuk manifesto Kerajaan Negeri Selangor

mi, bekerja, melabur dan membina keluarga," ucap beliau.

Ucapnya lagi, Pakatan Selangor berjaya mencatatkan rizab negeri tertinggi dalam tempoh 28 tahun pada akhir tahun 2012, melebihi RM2.62 bilion berbanding RM1.2 bilion pada Disember 2007.

Malah dalam tempoh tersebut, Se-

langor berjaya menarik pelaburan menjangkau RM50 bilion dengan memberi lebih 123,000 peluang pekerjaan.

Abdul Khalid ketika melancar manifesto PR, menjelaskan sejajar dengan kejayaan di Selangor dan selari dengan falsafah dan tradisi PR, bahawa ekonomi adalah milik rakyat.

ROS sepatutnya bertindak ke atas Umno

PUTRAJAYA - Calon PAS Putrajaya Datuk Husam Musa mempersoalkan tindakan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) yang bertindak ke atas DAP pada saat-saat akhir tempoh penamaan calon.

Sedangkan, menurut Husam, ROS sepatutnya bertindak ke atas Umno yang sebenarnya pertubuhan yang tidak sah mengikut akta Pertubuhan 1966.

Jelas Husam, Selasa lepas petisyen difaikan oleh sebilangan rakyat Malaysia di Mahkamah Tinggi Jalan Duta untuk mengarahkan ROS bertindak kepada Umno.

Husam berkata demikian dalam sidang media di Pusat Media PAS Putrajaya, baru-baru ini.

"Bila mana-mana cawangan parti tidak berdaftar dengan sendirinya pertubuhan itu haram, apabila sebuah parti yang tidak didaftarkan dan wajib ROS bertindak.

"Dan tidak ada mana-mana pihak di bawah seksyen 17, 18, 19, 20 Akta Pertubuhan 1966 boleh memberi kerjasama kepada parti yang diharamkan baik dalam premis, ceramah, sekolah dan sebagainya," jelas Husam dalam sidang medianya.

Kata beliau, di Tanah Merah khususnya ROS telah menulis surat kepada Setiausaha Agung Umno dan Setiausaha Bahagian Tanah Merah telah menunjukkan 26 cawangan yang ada dalam Tanah Merah adalah tidak berdaftar.

Malah katanya, di Kelantan ada 170 cawangan Umno yang tidak berdaftar dan semua dokumen-dokumen bahagian telah disahkan ROS itu telah pun difaikan di mahkamah.

"Kenapa ROS tidak bertindak ke atas Umno, sebaliknya bertindak ke atas DAP?" katanya.

Kamilia: Sudah jatuh dihempap tangga

KUALA LUMPUR - Bagai jatuh ditimpa tangga. Itulah nasib bakal Ketua Wanita Umno Datuk Kamalia Ibrahim, yang bukan sahaja digugurkan sebagai calon, malah dimalukan Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak.

Najib mendakwa, bukan BN tidak mahu bagi laluan kepada Kamalia tetapi dia tidak mahu bertanding di peringkat DUN.

Kamilia, seorang peguam yang berjaya, yang juga Ketua Wanita Umno Bahagian Kuala Kangsar berkata, sepatutnya beliau diberikan peluang bertanding di Parlimen supaya dapat terlibat sebagai pembuat dasar dan keputusan politik.

"Tindakan kepimpinan BN memeranatkan saya dan wanita lain. Saya kecewa kerana tidak ada pengiktirafan sewajarnya diberi kepada pemimpin Wanita Umno dan BN yang mewakili seluruh wanita Umno dan BN," katanya.

Selain beliau, turut tidak mendapat tempat kali ini adalah beberapa ketua Wanita Umno negeri.

Antaranya Kedah, Johor dan Terengganu. Turut tidak mendapat tempat adalah Naib Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ng Yen Yen.

Di Terengganu tidak seorang pun wanita dicalonkan sebagai calon BN, manakala di Kelantan hanya ada seorang berbanding dengan PAS yang

Kami banyak berjasa, tetapi tidak diberikan tempat, adakah kepimpinan tertinggi tidak mengiktiraf kelayakan kami



Dato Kamalia Ibrahim
Ketua Wanita Umno Bahagian
Kuala Kangsar

meletakkan calon wanita termasuk di Parlimen.

"Kami banyak berjasa, tetapi tidak diberikan tempat. Adakah kepimpinan tertinggi tidak mengiktiraf kelayakan yang kami ada. Kebanyakan kami golongan profesional," katanya.

Beliau juga kesal wanita tidak dianggap penting pada mata pemimpin BN, khususnya Najib.

"Pucuk pimpinan parti jangan anggap wanita tidak kisah dengan pencalonan yang diumumkan baru-baru ini. Jangan ingat wanita tidak ada perasaan," katanya kesal.

Menjawab kenyataan itu, Najib, yang selama ini memangku jawatan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, Kamalia gugur kerana beliau tidak rela bertanding di DUN Bukit Chandan, Perak.

Beliau menjelaskan tawaran kepada Kamalia adalah termasuk jawatan Exco, jika BN menubuhkan kerajaan, tetapi

beliau turut menolaknya.

"Kalau diterima tawaran itu, Datuk Kamalia boleh memainkan peranan bukan sahaja dalam negeri tetapi juga dalam konteks negara," kata Najib.

Menurut sumber Umno, Kamalia melihat janji Najib seperti hendak memperbodohkan beliau kerana negeri Perak dicapkan sebagai negeri yang susah dipertahan BN kali ini.

"Tawaran itu betul-betul dikira menghina pada pandangan Kamalia. Ramai yang kesian kat beliau di dalam Umno. Disebabkan nasib Kak Ijat dan tidak pandai mengampu Kak Ros, itulah akibatnya," kata sumber Umno itu.

Baru-baru ini Kamalia turut membayangkan bahawa beliau mungkin bertukar parti menjelang pilihan raya kerana permintaannya ditolak.

"Jika permintaan tidak di-beri, wanita mempunyai pelbagai pilihan lain kerana perjuangan saya berpandukan negara, agama dan bangsa. Sekiranya pintu tidak dibuka kepada saya, saya akan perjuangan di tempat lain.

"Pintu ditutup, mungkin ada pintu lain sama ada saya akan pecahkan atau membuat sendiri. Saya mungkin pertimbangkan pilihan lain kerana perjuangan saya tidak perlu berakhir di tahap ini sahaja," katanya.

KLANG: Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yakin mampu menawan hati pengundi di Pelabuhan Klang berdasarkan pengalamannya selama lima tahun mentadbir Kerajaan Negeri Selangor sebelum ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas pertembungannya satu lawan satu dengan calon BN, Datuk Nassaruddin M Zin.

“Saya berjanji dengan kemenangan ini nanti, saya harap dapat jalankan tugas dengan lebih baik dan membawa lebih banyak perubahan dan pembangunan di Pelabuhan Klang,” katanya.

Beliau ditemui selepas penamaan calon di Dewan Hamzah, Majlis Perbandaran Klang.

DUN Pelabuhan Klang merupakan kerusi panas memandangkan penyandanginya, Badrul Hisham Abdullah, satu-satunya wakil rakyat PKR yang melompat parti di Selangor.

Pada penggal lalu, Abdul Khalid merupakan Adun Ijok.

Abdul Khalid menambah PR mempunyai strategi untuk menawan kembali kerusi DUN itu berdasarkan suara hati pengundi yang ingin kebajikan mereka dijaga.

“Mereka memang ada rancangan supaya mendapat calon yang mereka inginkan. Mereka ingin saya mengetuai Pelabuhan Klang yang mana mereka rasa terabai apabila wakil mereka sebelum ini terabai.

Abdul Khalid mahu selamatkan Pelabuhan Klang yang ‘terabai’



Calon Kota Alam Shah, V. Ganabatirau, Pelabuhan Klang, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Klang, Charles Santiago dan Pandamaran, Tan Pok Shyong, diiringi penyokong menuju ke Dewan Datuk Hamzah untuk penamaan calon

“Terima kasih kepada rakan pemimpin yang tidak putus-putus memberi sokongan kepada saya.

“Saya harap pilihan raya kali ini menjadi pilihan raya bersih dan beradab dan terima kasih

kerana saya mendapat kemudahan di Pelabuhan Klang seperti mana yang saya sediakan di Ijok sebelum ini,” katanya.

Dalam satu kenyataan media, Abdul Khalid yakin rakyat Selangor cukup matang dalam

melalui proses pilihan raya dan mengelak terlibat dalam insiden-insiden yang boleh menjejaskan perjalanan pilihan raya yang aman.

“Pilihan raya umum kali ini sangat penting kerana pro-

ses mewujudkan dua sistem parti semakin nampak jelas dan rakyat diberi hak mutlak dalam menentukan masa depan pentadbiran ekonomi dan sosial Negeri Selangor,” kata Abdul Khalid.

Rafizi, Iskandar yakin manifesto Pakatan Rakyat tarik sokongan

PANDAN INDAH: Calon Pakatan Rakyat (PR) di kawasan Pandan akan menumpukan kempen terhadap penerangan manifesto gagasan tersebut yang dilancarkan sebelum ini sebagai usaha mengambil hati pengundi.

Calon PKR, Parlimen Pandan, Rafizi Ramli berkata, beliau turut akan memberi tumpuan terhadap masalah jenayah yang membelenggu kawasan itu yang terletak berhampiran ibu kota negara.

Beliau juga yakin akan mendapat sokongan pengundi terhadap dasar-dasar yang ditawarkan oleh Pakatan Rakyat (PR) di dalam manifesto rakyat, walaupun berhadapan persaingan yang sengit bagi kerusi Pandan.

“Sekarang mood rakyat adalah membawa perubahan. Pertembungan tiga penjurui ini



Rafizi diiringi para penyokong Pakatan Rakyat ke tempat penamaan calon

adalah pertembungan terbuka dan kita akan lakukan yang terbaik,” katanya apabila ditemui di pusat pencalonan Dewan Perbandaran Ampang Jaya.

Parlimen Pandan bakal menyaksikan pertembungan tiga penjurui di antara Rafizi, Gary Lim Chin Yee (BN) dan calon

Allan Tan (Bebas).

Allan, yang menggantikan penyandang Parlimen Pandan, Datuk Seri Ong Ting Keat akan menggunakan simbol gajah.

Sementara itu DUN Chempak akan menyaksikan pertembungan satu lawan satu di antara penyandang Iskandar Abdul

Samad dan calon Muhammad Faizal Sufar (BN).

Iskandar berkata beliau akan memberikan tumpuan terhadap manifesto PR, selain bertanding secara matang.

Beliau berharap kempen kali ini berlangsung secara sihat tanpa perlu ada serangan peribadi.

“Kita akan berikan yang terbaik. Kita akan berikan fokus kepada pencapaian kita sepanjang lima tahun, sama ada dari segi pencapaian Kerajaan Negeri dan pencapaian yang kita lakukan di peringkat DUN,” katanya.

Sementara itu DUN Teratai pula membabitkan persaingan lima calon pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) yang melibatkan Tiew Way Keng (DAP) dan Liew Pok Boon (BN).

Jenice Lee (Bebas) yang akan menggunakan simbol pokok, Pengerusi Penduduk Pandan Perdana, Lim Ah Chai (Bebas) dan Timbalan Presiden Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Selangor Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (GPBKS WPKL) Chin Kok Keong (Bebas) pula menggunakan lambang bunga.

Sekitar Penamaan Calon PRU-13



Gelang Patah



Marang



Permatang Pauh



Putrajaya



Sarawak



Pulau Pinang



Perak



Shah Alam



Ampang



Sabak Bernam



Kelantan

Tolak mereka yang guna video lucah - NGO wanita

KUALA LUMPUR - 14 NGO wanita serta tiga personaliti bergabung tenaga hari bagi membantah penyebaran video lucah di media.

Bagi mereka, langkah itu satu tindakan yang tidak kena dan melanggar tatasusila hidup masyarakat negara ini.

Sehubungan itu, mereka mengajak seluruh rakyat, khasnya wanita menolak mereka yang menggunakan pendekatan sebegini dalam kempen mereka.

Mereka menyatakan demikian pada sidang media 'Bantahan Terhadap Penyebaran Video Lucah Menjelang PRU-13' di sebuah hotel di Sungai Besi, baru-baru ini.

Kumpulan wanita ini diketuai Prof Madya Dr Harlina Halizah Siraj, Penyelaras Bantahan Bersama NGO Wanita merangkap Naib Ketua Wanita IKRAM & Pengerusi JK Pembangunan Sosial Ikram.



Dr Harlina Halizah

ANTARA NGO WANITA YANG MENYERTAI BANTAHAN

PERTUBUHAN

- Wanita Pertubuhan Ikram Malaysia (Ikram)
- Helwa Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim)
- Biro HALUANITA, Pertubuhan Himpuan Lepasan 4) Institusi Pendidikan Malaysia (Haluan)
- Integrated Muslimah Associations and Networks Alliance (Imaana)

- Pertubuhan Nisa' Malaysia (Nisa')
- Pertubuhan Mawaddah Malaysia (Mawaddah)
- Association of Women's Initiative for 9) Research, Development & Advancement (Wirda)
- Muslimah Interest Zone and Networking (Mizan)
- Wadah Kecerdasan Umat Malaysia (Wadah)
- Pertubuhan Pemuda Gema Malaysia (Gema)
- Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PK-

- PIM)
- IKRAM Siswa

INDIVIDU PERSEORANGAN

- Prof Dr. Muhaya Muhammad (Pakar Motivasi & Personaliti TV)
- Wardina Safiyyah Fadhullah (Pengacara dan Personaliti TV)
- Ustazah Fatimah Syarha Hj Mohd Noordin (Penulis Novel Dakwah & Penceramah)



Wardina Safiyyah

PAS yakin dengan kemampuan wanita

MARANG - Ketika Wanita Umno bersedih ekoran mereka disisihkan oleh pimpinan mereka, buat pertama kalinya sejak lebih 50 tahun, PAS meletakkan calon wanita dalam pilihan raya umum (PRU) ini di Terengganu.

Presiden PAS, Datuk Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang ketika mengumumkan barisan calon PAS di pekarangan Masjid Rusila, Marang, memperkenalkan calon wanita untuk PAS di DUN Kuala Besut.

Calon PAS itu, Nafisah Ismail

akan bertanding merebut kerusi DUN Kuala Besut menentang penyandang kerusi berkenaan, Dr A Rahman Mokhtar.

Di negeri jirannya, PAS Kelantan pula baru-baru ini mengumumkan empat calon wanita dalam PRU kali ini.

Mereka adalah Siti Zailah Yusof (Ketua Dewan Muslimat PAS) di Parlimen Rantau Panjang, Mumtaz Mat Nawi (DUN Demit), Wan Ubaidah Omar (Kijang) dan Rohani Ibrahim (Tanjong Mas).

Dalam pada itu, BN tidak meletakkan sebarang calon wanita

sama ada di Terengganu, manakala di Kelantan hanya satu berbanding empat daripada PAS dalam PRU kali ini.

Wanita layak terima kad diskaun sahaja

Adakah Umno menyifatkan wanita hanya layak menerima kad diskaun sahaja dan tidak layak menjadi pemimpin?

Persoalan itu timbul apabila Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengumpukan ibu-ibu tunggal dengan kad diskaun,

insuran dan umpan-umpan lain.

Umpan itu ditaburkan ketika dilaporkan di sana-sini bahawa pemimpin Wanita Umno kecewa dengan 'penghinaan' parti itu terhadap mereka apabila pemimpin tertinggi sayap itu tidak diletakkan sebagai calon dalam PRU, 5 Mei ini.

Berikutan tindakan Umno itu, Naib Ketua Wanitanya, Datuk Kamalia Ibrahim menyifatkan tindakan itu menunjukkan bahawa BN tidak memberi pengiktirafan sewajarnya ke atas sumbangan pemimpin ter-

tinggi wanita

Ketika luahan kekecewaan itu dilaporkan, Najib berjanji, ibu-ibu tunggal akan diberikan skim insuran nyawa, kad diskaun yang boleh digunakan di kedai-kedai 1Malaysia dan khidmat undang-undang percuma.

Dalam ucapan pada perhimpunan Jaringan Untuk Wanita Ibu Tunggal Malaysia (Juwita) yang dihadiri kira-kira 6,000 ibu tunggal itu, antara lain Najib menyifatkan ibu-ibu tunggal sebagai bank undi Barisan Nasional (BN).

ROS hantar surat malam-malam, tak halang guna logo roket

KUALA LUMPUR: Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) terpaksa menghantar surat secara serahan tangan kepada DAP pada jam 9.30 malam, pada 19 April untuk menyatakan bahawa ia tidak mempunyai sebarang halangan bagi DAP menyertai Pilihan Raya Umum (PRU) dengan menggunakan logo roket.

Dua orang pegawai ROS yang hadir ke ibu pejabat DAP memberi alasan bahawa surat yang sepatutnya difakskan tidak dapat dihantar lebih awal kerana mesin faks ROS tidak berfungsi.

“Adalah jelas bahawa mereka mengeluarkan surat tersebut setelah berdepan dengan tekanan masyarakat yang amat melemaskan. Apa-apa

pun, kami akan tetap dengan rancangan awal,” kata Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke apabila dihubungi media.

Surat yang ditandatangani Pendaftar ROS, Dato’ Abdul Rahman Othman itu menyebut, “Pendaftar Pertubuhan setakat ini tidak mengambil keputusan untuk membatalkan pendaftaran Parti Tindakan Demokratik (DAP).

Pendaftar Pertubuhan juga tidak mempunyai apa-apa halangan untuk Parti Tindakan Demokratik menyertai Pilihan Raya Umum ke-13 dengan menggunakan simbolnya.”

Dalam perkembangan serupa, penamaan calon berjalan lancar dengan calon-calon DAP diterima bertanding dengan menggunakan lambang roket.

Dua orang pegawai ROS yang hadir ke ibu pejabat DAP memberi alasan bahawa surat yang sepatutnya difakskan tidak dapat dihantar lebih awal kerana mesin faks ROS tidak berfungsi.



Ribuan penyokong Pakatan Rakyat mengiringi Nurul Izzah ke tempat penamaan calon di SK Bukit Bandaraya, Bangsar

Izzah berdepan 3 penjur, yakin menang di Lembah Pantai

BANGSAR: Calon Lembah Pantai (P141), Nurul Izzah Anwar yang selesai menjalani proses penamaan calon pada jam 9 pagi, optimis KEADILAN akan mempertahankan Parlimen itu walaupun terpaksa berdepan persaingan tiga penjur pada Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13).

Keyakinan itu katanya, berdasarkan sokongan padu hampir 1,500 penyokong mengiringi beliau ke pusat penamaan calon.

“Saya tahu ini pertandingan sengit, tapi saya optimis dengan sokongan penyokong, suami, ahli keluarga dan rakan-rakan. Malah ada yang saya tak sangka akan hadir.

“Ini memberi saya keyakinan untuk menang. Untuk masa kritikal ini, saya harap agen pusat mengundi di semua tempat akan buat sehabis baik,” katanya selepas selesai pencalonan.

Nurul Izzah yang mendahului proses penamaan, masuk

bersama seorang pencadang, Sheikh Johari Sheikh Yaacob, 59, dan seorang penyokong, Rafiza Shahean, 50, Ketua Muslimat PAS, Lembah Pantai.

Beliau ditentang lawannya, calon BN, Datuk Raja Nong Chik Zainal Abidin dan seorang calon Bebas, Rusli Baba.

Pengurus Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Lembah Pantai, Rolan Abdul Rahman mengumumkan semua calon layak bertanding.

“Saya puas hati dan tiada

calon yang ditolak,” katanya.

Terdahulu, Nurul Izzah yang disegani dan disayangi masyarakat setempat diiring dengan bacaan doa penyokong pelbagai kaum sebelum menuju ke pusat penamaan calon di Sekolah Kebangsaan Bukit Bandaraya, Bangsar.

Sebelum masuk dewan, penyokong melaungkan ‘jaga YB kami’ kepada polis bertugas.

Dianggarkan 600 polis berkawal di beberapa penjur jalan masuk ke sekolah.

Azmin berdepan 3 penjur di Gombak

GOMBAK: Parlimen Gombak menyaksikan pertandingan tiga penjur antara penyandang kerusi itu yang juga Timbalan Presiden KEADILAN, Mohamed Azmin Ali dengan calon BN, Datuk Dr Raman Ismail dan calon Bebas, Datuk Said Nazar Abu Bakar.

Pengumuman dibuat Pegawai Pengurus P098 Parlimen Gombak, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan di pusat penamaan calon di Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu Gombak kira-kira jam 10 pagi.

Amiruddin Shari mewakili KEADILAN di Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Caves, Saari Sungip pula calon PAS untuk Hulu Kelang, manakala Gombak Setia diwakili Hasbullah Ridzwan daripada PAS.

Sebelum itu, perarakan meriah dengan ribuan penyokong yang mengiringi calon Pakatan Rakyat (PR), bermula dari Masjid As Sharif ke Pusat Penamaan Calon Parlimen Gombak di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu.

Jumlah penyokong Pakatan dianggarkan melebihi empat kali ganda berbanding penyokong BN.

Selain isteri dan anak-anak, turut mengiringi Azmin, adiknya yang juga artis kontroversi, Azwan Ali.



Husam akan hilang wang deposit - Tengku Adnan

PUTRAJAYA: Calon BN Putrajaya, Datuk Tengku Adnan Mansor yakin, calon PAS Datuk Husam Musa akan hilang deposit dalam pilihan raya kali ini.

Adnan yang merupakan Setiausaha Agung Umno berkata demikian ketika bercakap

kepada para pemberita baru-baru ini.

Adnan mengimbau kembali pilihan raya 2004 di mana calon pembangkang ketika itu hilang wang deposit.

Husam, Naib Presiden PAS akan bertanding melawan Teng-

ku Adnan secara satu lawan satu dalam pilihan raya ini.

Beliau juga bertanding di DUN Salor, Kubang Kerian Kelantan.

Sikap sombong dan cakap besar Adnan ini dipercayai akan makan tuan selepas ini.

Sebagaimana dijangka, calon Umno Pasir Mas hilang

PASIR MAS: Sebagaimana dijangka media, calon Barisan Nasional (BN) Pasir Mas tidak akan bertanding bagi memberikan laluan kepada Datuk Ibrahim Ali sebagai calon Bebas.

Datuk Johan Che Pa, orang yang dinamakan sebagai calon BN di sini tidak muncul pada hari penamaan calon, sebaliknya Ibrahim Ali yang menjadi satu-satunya calon Bebas melawan calon daripada PAS.

Sebelum ini, media antaranya Harakahdaily melaporkan calon BN tidak akan menyertai pertandingan ini.

Penamaan beliau hanya wayang BN untuk mengelak tekanan daripada rakan-rakan BN yang tidak boleh menerima Ibrahim Ali sebagai calon.

SMS berterbangan sebaik sahaja Che Johan dinamakan sebagai calon BN di Pasir Mas oleh BN, mengatakan

calon BN itu tidak akan bertanding atas masalah teknikal.

Datuk Ibrahim Ali akan bertanding atas Bebas menentang calon PAS, Nik Abdul Nik Abdul Aziz, anak Menteri Besar Kelantan.

Persaingan kedua-duanya disebabkan calon BN untuk kerusi tersebut, Che Johan Che Pa, tidak menyerahkan borang pencalonan di pusat penamaan calon biarpun hadir

sama pagi ini.

Presiden PERKASA mendapat sokongan bulat daripada mantan Perdana Menteri Dr Mahathir Mohamad untuk mempertahankan kerusi tersebut.

BN sebelum ini memilih Che Johan walaupun Ibrahim disebut-sebut bakal terpilih sebagai calon, seperti naib presidennya dalam PERKASA Datuk Zulkifli Noordin.



Topi keselamatan lambang untuk berkhidmat

SELAYANG: Calon-calon Pakatan Rakyat (PR) Parlimen Selangor mempunyai cara tersendiri di hari penamaan calon bagi menunjukkan mereka sedia berkhidmat untuk rakyat.

Mereka datang ke pusat penamaan calon dengan memakai 'topi keselamatan' bagi menunjukkan mereka sedia berkhidmat untuk rakyat.

Keempat-empat mereka, William Leong (Parlimen Selangor), Zaidy Talib (DUN Taman Templer), Tengku Maraziah (DUN Kuang) dan Gan Pei Nee (DUN Rawang) memakai topi berwarna kuning air.

Zaidy yang merupakan Yang Dipertua PAS Selangor menjadi calon PAS kali ini bagi menentang calon BN daripada Umno.

Gambar kiri:
Dari kiri Tengku Maraziah, Gan Pei Nee, Zaidy dan William memakai topi untuk berkhidmat



Penamaan



BANTING



KOTA RAJA



SERDANG



SEPANG



PUCHONG



SUNGAI BESAR

Calon PRU-13



PJ SELATAN



TANJONG KARANG



KAPAR



SUBANG



KUALA SELANGOR



HULU SELANGOR

Calon BN Pandan terlibat salah laku etika guaman

Oleh AFIX REDZUAN

PANDAN INDAH - Calon PKR Parlimen Pandan, Rafizi Ramli (*gambar*) mendakwa menerima satu surat tidak bernama yang memaklumkan pesaingnya daripada BN, Gary Lim Chin Yee, terlibat dalam salah laku melanggar etika dan peraturan guaman.

Dokumen berkenaan mengandungi surat-menyurat daripada Majlis Peguam kepada Gary Lim apabila beliau gagal berterus terang mengenai statusnya sebagai seorang peguam.

Selain itu, terdapat surat daripada bekas majikan Gary Lim, iaitu Shearn Delamore & Co serta salinan laporan polis kerana didakwa menyalahgunakan nama firman guaman itu.

Laporan polis berkenaan dibuat bekas majikan Gary, Shearn Delamore & Co.

Menurut Rafizi, dakwaan salah laku ini merupakan satu tuduhan serius kerana ia mempersoalkan kejujuran Gary Lim sebagai seorang profesional.

Katanya lagi, perkara ini didedahkan bukan bertujuan serangan individu, sebaliknya berkaitan soal kredibiliti dan integriti calon yang bakal diangkat mewakili Parlimen Pandan.

"Jika Gary Lim tidak boleh mematuhi etika dan peraturan guaman, ada risiko bahawa beliau juga tidak boleh dipercayai sebagai wakil rakyat.

"Adalah menjadi tanggungjawab saya mendedahkan perkara ini kepada

pengundi Pandan agar mereka dapat memilih salah seorang wakil rakyat yang bersih, amanah, beretika dan boleh dipercayai," katanya selepas mengumumkan calon bertanding.

Jelasnya lagi, tugas peguam tertakluk kepada undang-undang yang ketat serta melibatkan kepercayaan pelanggan kepada beliau.

Berdasarkan keterangan laporan po-



lis yang dibuat bekas majikan Gary Lim, beliau menyertai firma berkenaan sebagai Pembantu Undang-undang pada 2 November 2000 sebelum meninggalkan firma berkenaan pada 8 Ogos 2004.

Beliau kemudian menyertai semula firma berkenaan pada 1 September 2007 sebagai Pembantu Undang-undang Senior dan dinakkan pangkat sebagai rakan kongsi berbayar (Salaried

Partner) pada 1 Oktober 2008.

Beliau akhirnya meletakkan jawatan dari firma berkenaan pada 30 Oktober 2011.

Sebelum ini, Pengerusi BN, Datuk Seri Najib Razak, mengumumkan calon BN yang ditampilkan kali ini bersih daripada sebarang salah laku dan melepasi saringan layak menjadi calon.

Kerusi Parlimen Pandan menyaksikan pertembungan tiga penjuar antara Rafizi Ramli mewakili PKR, Gary Lim Chin Yee (MCA-BN) dan Allan Tan (Bebas).

Pakatan Rakyat selamatkan Pasar Pagi Selayang daripada dirobah

SELAYANG - Kemenangan Pakatan Rakyat (PR) pada tahun 2008 berjaya menyelamatkan Pasar Pagi Selayang daripada dirobahkan, sekaligus memaksa peniaga berpindah ke bangunan baru di Selayang Centre Point.

Pasar penuh tradisi yang menjadi tumpuan peniaga pelbagai kaum sepatutnya dipindahkan sekiranya BN terus memerintah pada tahun 2008 meskipun ada segelintir mereka tidak ingin berbuat demikian.

Calon PKR DUN Batu Caves, Amirudin Shari memaklumkan, bangunan dibina BN tidak layak untuk diduduki kerana tidak memenuhi kriteria pembinaan selain gagal mendapatkan kelayakan menduduki (CF)

"Kita selesaikan melalui perbincangan dan mereka kekal di sini dengan beberapa syarat. Mereka minta persatuan mengawal secara keseluruhan.

"Pada saya lebih baik dikawal sepenuhnya oleh kerajaan negeri bagi mengelakkan mana-mana pihak monopoli di pasar ini," katanya ketika beramah mesra ber-



Amirudin meninjau keadaan Pasar Pagi Selayang dan beramah mesra dengan pengunjung yang datang

sama pengundi di pasar berkenaan.

Menurutnya, penduduk Selayang Baru dan dikawasan Kampung Nakhoda menjadikan pasar ini sebagai pusat membeli barangan basah lebih-lebih lagi pada musim perayaan.

Namun katanya, terdapat segelintir peniaga yang berpindah sementara selebihnya memilih untuk kekal di lokasi asal.

Jelasnya, bangunan asal ini telah dibaik pulih terutama bangunan medan selera untuk meningkatkan keselesaan pengunjung.

"Saya sendiri turunkan peruntukan membaik pulih kawasan medan selera ini sekitar RM40,000 hingga RM50,000. Kita naik taraf kawasan tersebut pada 2011/2012," ujar beliau lagi.

'Rakyat Shah Alam kenal siapa lawan saya'

SHAH ALAM - Penyandang kerusi Parlimen P108 Shah Alam, Khalid Samad (PAS) yakin pengundi di sini akan membuat pilihan tepat dengan memilihnya sebagai wakil rakyat dalam Pilihan Raya Umum Ke 13 (PRU-13) nanti.

Walaupun dikatakan bertanding di kerusi panas dan berdepan Datuk Zulkifli Nordin (BN), Khalid optimis pengundi bijak menilai wakil mana yang mampu membawa suara mereka.

"Saya pasti rakyat dan pengundi penggal lepas dapat menilai prinsip dan pencapaian saya selaku ahli parlimen di sini.

"Tidak perlu pula saya bercerita tentang lawan saya, saya yakin rakyat pun sudah tahu dan kenal siapa dia termasuk keperibadiannya yang ekstrimis.

"Rakyat dan pengundi Shah Alam pasti bijak membuat pilihan," tegas beliau yang ditemui sejurus selesai pengumuman calon dibuat di Pusat Penamaan Calon Parlimen Shah Alam di Dewan Besar Tanjung di sini.

Sementara itu, beliau turut membangkitkan isu kedudukan penyokong kedua parti Pakatan Rakyat (PR) dan BN yang ditempatkan secara tidak adil.

"Mereka (penyokong PR) diletakkan jauh, speaker juga diletakkan jauh daripada mereka, kemudian ada pula diletakkan lori seolah-olah menghalang pemandangan penyokong," protesnya.

Pada PRU-12 lalu, Khalid memperoleh 33,356 undi berbanding lawannya dari BN, Datuk Seri Abdul Aziz Shamsuddin yang cuma mendapat 24,042 undi, menyaksikan majoriti sebanyak 9,314 undi.

Parlimen Shah Alam mempunyai 99,957 senarai pengundi berdaftar dan 70 peratus daripadanya adalah Melayu.

Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT: Arfa'eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG:

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

PENGARANG BERITA: Najib Hashim

PEN. PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN:

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURU GAMBAR: Raheemie Arifin,

Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites

No 1, Persiaran Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: newsselangorkini@gmail.com

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SABAK BERNAM - Calon PAS DUN Sabak Bernam, Sallehen Mukhyi (*gambar*) berkata, Pakatan Rakyat (PR) tidak akan mengabaikan kebajikan kakitangan awam termasuk guru-guru Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) jika mentadbir nanti.

"Saya ingin tegaskan komitmen dan iltizam Pakatan Rakyat (PR) untuk menjaga kebajikan semua kakitangan awam termasuklah guru-guru KEMAS apabila PR memerintah nanti.

"Isu yang ditimbulkan oleh



BN bahawa PR akan membubarkan KEMAS dan memecat guru-gurunya adalah dakwaan yang tidak berasas sama sekali.

"Bahkan tidak mustahil PR akan berusaha menaikkan lagi elaun guru-guru KEMAS sepertimana Kerajaan Negeri Selangor berjaya menaikkan elaun guru-guru Sekolah Rendah Agama (SRA) dari RM700 sebulan kepada RM1,300 sebulan kini.

"Justeru saya mengajak semua anggota kakitangan awam supaya berani membuat perubahan bagi memastikan kebajikan dan hak-hak mereka dibela dengan memberikan undi kepada calon-calon PR

pada pilihan raya," kata beliau.

Tambah beliau, berdasarkan riak sokongan yang dilihat di kawasan itu beliau berkeyakinan untuk memenangi kawasan itu berbanding menang pada kali pertama tahun 1999.

Selain itu, penstrukturan semula Pekan Sabak Bernam perlu dilakukan bagi melon-

jakan ekonomi setempat dan dapat mempertingkatkan taraf kehidupan penduduk sekitar.

"Tidak ada peluang yang diberi kepada rakyat di kawasan ini sebelumnya untuk meningkatkan taraf kehidupannya," ujar beliau.

DUN Sabak yang terletak dalam Parlimen Sabak Bernam mempunyai 22,131 pengundi berdaftar untuk PRU-13 ini.

Guru KEMAS tidak terabai di bawah Pakatan Rakyat

Kempen rumah ke rumah tambat hati pengundi

KLANG - Muka baru, V.Ganabatrau (DAP) akan berkempen dari rumah ke rumah untuk menambat hati pengundi di DUN Kota Alam Shah.

Menurutnya, ini adalah strategi beliau kerana dengan cara ini mesej yang akan disampaikan lebih jelas berbanding jika berada di kawasan yang lebih besar.

"Bagi saya kita tidak boleh mengharapkan ceramah besar-besaran yang diadakan di mana-mana kawasan, tetapi kita perlu turun ke tempat yang lebih kecil juga," katanya.

Dalam pada itu, beliau berjanji akan mencuba menyelesaikan masalah penduduk dengan sedaya upaya.

Katanya, masalah utama di DUN Kota Alam Shah adalah masalah kesesakan lalu lintas yang disebabkan oleh perancangan pembangunan yang pesat dan tidak teratur.

"Itu yang saya lihat apabila turun kawasan beberapa minggu yang lalu. Begitu juga dengan masalah taman-taman per-

mahan lama yang wujud dikatakan tidak mempunyai pelan bandar yang tersusun.

"Ia menyebabkan berlaku banjir, kesesakan lalu lintas. Jadi saya akan cuba selesaikan masalah itu.

"Kita bertuah kerana Kerajaan Negeri menjanjikan Jabatan Klang ke tiga bagi mengatasi masalah kesesakan lalu lintas, namun saya akan berusaha juga dengan cara saya sendiri untuk mengambil hati pengundi," katanya.

Sementara itu, Ganabatrau berkata, beliau yakin tidak tergugat peratusan pengundi walaupun terpaksa berdepan dengan pertembungan empat perjury di DUN N48 itu.

"Saya percaya bahawa rakyat masa kini tidak bodoh dan tahu parti mana yang banyak korupsi," katanya.

Beliau turut mahu bekas Adun Kota Alam Shah, M. Manoharan menyokong perjuangannya dalam mempertahankan kemenangan Pakatan Rakyat (PR) bagi dun itu.

Cikgu Rashid bersama calon-calon PR Kuala Selangor diiringi penyokong untuk penamaan calon



Cikgu Rashid tekad bela nasib 12 kampung tradisi di Jeram

KUALA SELANGOR - Nasib penduduk di 12 kampung tradisi DUN Jeram menjadi fokus utama calon PAS bagi kerusi itu, Muhammad Rashid Muhammad Kassim.

Antara kampung tradisi tersebut adalah Kampung Felda Bukit Cherakah, Kampung Bukit Kuching Hilir, Kampung Bukit Kuching Tengah, Kampung Bukit Hijau, Kampung Sungai Sembilang, Kampung Tambak Jawa dan Kampung Sungai Buloh.

Katanya, rata-rata penduduk di kawasan itu hanya mendapat pendapatan sekitar RM1,400 sebulan dan dihipit bebanan kos sara hidup yang semakin tinggi.

Selain itu Muhammad Rashid berkata, golongan muda di kampung itu juga kebanyakannya

mempunyai tahap pendidikan yang sederhana.

"Antara masalah dikalangan penduduk Jeram ini, ialah masalah para nelayan dan para petani yang mana pendapatan mereka di bawah paras kemiskinan," katanya yang mesra dipanggil Cikgu Rashid.

Sehubungan itu, beliau bercadang kepada Kerajaan Negeri agar mengadakan program pendidikan vokasional dan kemahiran supaya golongan muda ini mempunyai kemahiran, seterusnya mengubah kehidupan mereka.

Dalam pada itu, beliau akan terus berkempen bagi menerangkan keberkesanan dasar dan skim yang diamalkan Kerajaan Selangor di bawah pimpinan Pakatan Rakyat (PR) selama

lima tahun lalu.

Sebagai contoh katanya, nasib 281 orang penduduk Kampung Felda Bukit Cherakah untuk memiliki geran tanah selama lebih 10 tahun sejak pemerintahan Umno-BN diselesaikan Kerajaan Negeri pada 26 Mac lalu.

Beberapa program di bawah Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) seperti 20 meter padu air percuma, Jom Shopping, Skim Mesra Usia Emas (SMUE), Hadiah IPT turut akan disebarkan bagi meyakinkan pengundi dan rakyat mendapat lebih pengetahuan mengenai keberkesanan dan kejayaan PR mentadbir Selangor.

Dalam pilihan raya kali ini Cikgu Rashid akan mencabar Datuk Amiruddin Setro (BN).



Bagi saya kita tidak boleh mengharapkan ceramah besar-besaran yang diadakan di mana-mana kawasan, tetapi kita perlu turun ke tempat yang lebih kecil juga

SHAH ALAM - Janji Umno-BN memberi 20 meter padu air percuma menimbulkan pelbagai persoalan, khususnya bagaimana gagasan itu akan melakukannya tanpa penstrukturan semula industri air Selangor.

Satu lagi persoalan utama adalah bagaimana Umno-BN hendak memastikan harga air tidak dinaikkan sedangkan sebelum ini mereka mengumumkan akan membina loji rawatan air mega Langat 2 yang kosnya RM 3.9 bilion.

Sekiranya Langat 2 diteruskan seperti diumumkan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, harga air Selangor dijangka melambung hingga 70 peratus, kata calon Parlimen Selayang, William Leong.

Selama ini, Kerajaan PR Selangor menyekat kenaikan harga air oleh Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) sebanyak 37 peratus pada 2008 dan 25 peratus pada tahun 2012.

“Kalau Pakatan tidak dapat kuasa pemerintahan Selangor selepas pilihan raya tahun 2008, Syabas sudah meningkatkan harga air sebanyak 37 peratus, dan juga 25 peratus menyebabkan harga air Selangor paling tinggi di Semenanjung.

“Selama ini, Kerajaan Pakatan Selangor menanggung harga air asas, membolehkan warga Selangor menikmati 20 meter padu air percuma,” kata William, yang juga Bendahari Agung PKR.

Akan tetapi sekiranya harga air dijangka naik sebanyak 70 peratus bagi membiayai kos Langat 2, mampukah Umno-BN meneruskan skim pemberian air percuma tanpa membebankan kewangan kerajaan negeri?

“Sekarang, BN Selangor ciplak dasar Pakatan, seolah-olah nak beri lebih manfaat kepada warga Selangor.

“Namun, mereka tidak membangkitkan isu Langat 2 yang akan mempengaruhi harga air, berniat menipu pengundi Selangor.

Walaupun Kerajaan Pakatan Selangor membantah Langat 2,

Tawaran air percuma BN

Tiada jaminan air tidak akan naik



JUMPA RAKYAT... orang ramai di Parit Buntar berebut-rebut bersalaman dan mengambil gambar Datuk Seri Anwar Ibrahim yang turun membantu kempen calon Pakatan Rakyat negeri Perak

Kerajaan Persekutuan Umno-BN tetap mengeluarkan tender untuk projek tersebut melalui Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, kata William.

Ini berbeza dengan pendirian Kerajaan PR Selangor yang mahu menstruktur semula industri air supaya tarif air ditetapkan pada harga yang berpatutan dan rakyat ditawarkan saham air.

Kalau Pakatan tidak dapat kuasa pemerintahan Selangor selepas pilihan raya tahun 2008, Syabas sudah meningkatkan harga air sebanyak 37%, dan juga 25% menyebabkan harga air Selangor paling tinggi di semenanjung

**- WILLIAM LEONG
Bendahari Agung PKR**

Untuk
informasi &
Berita terkini
Layari
www.selangorku.com
mediaselangorku